

DULOXETINE

A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?



- ✚ Ubat ini merawat gangguan kemurungan, gangguan kebimbangan umum, neuropati periferai diabetes serta sakit otot kronik.

B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- ✚ Ubat ini bertindak dengan meningkatkan paras serotonin dan noradrenalin dalam sistem saraf lantas merawat kemurungan dan mengurangkan sakit saraf pesakit diabetes.

C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?



A. CARA MAKAN

- ✚ Makan ubat ini seperti diarahkan oleh doktor.
- ✚ Ubat ini boleh diambil dengan atau tanpa makanan.
- ✚ Ubat ini perlu diambil secara berterusan. Jangan berhenti mengambil ubat secara tiba-tiba tanpa berunding dengan doktor anda.

B. JIKA TERLUPA

- ✚ Makan dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- ✚ Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBAT INI?

- ✚ Simpan ubat dalam bekas asal pada suhu bilik (23°C - 27°C), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- ✚ Jauhkan daripada kanak-kanak.

D. PERINGATAN !!!



➤ SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mempunyai penyakit hati, buah pinggang atau penyakit darah tinggi.
- ✚ Mengambil sebarang ubat, vitamin, produk herba atau makanan kesihatan tambahan, kerana ia mungkin bertindakbalas dengan ubat ini.
- ✚ Sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan.

➤ SEMASA MENGAMBIL UBAT INI

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mengalami kesan sampingan yang berlarutan (contoh: memikirkan untuk mencederakan atau membunuh diri).
- ✚ Didapati hamil dan memberi susu badan.
- ✚ Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini .



AMARAN !!

SEKIRANYA
TANDA-
TANDA INI
BERLARUTAN
SILA
RUJUK
DOKTOR

E. KESAN SAMPING UBAT

✚ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:

- Loya
- Mulut kering
- Mengantuk
- Sakit kepala atau pening

✚ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:

- Rasa gelisah atau kesukaran untuk berdiri atau duduk diam.
- Cubaan bunuh diri, memikir untuk membunuh diri dan rasa permusuhan (terutamanya bersikap agresif, tingkah laku membangkang dan kemarahan)

Rujukan:

- <https://www.npra.gov.my/index.php/my/consumers-2/maklumat/risalah-maklumat-ubat-untuk-pengguna-rimup/38.html> (accessed 21 November 2021)
- <https://www.ubat.info/medicine-ms/duloxetine> (accessed on 21 November 2021)

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394
